

Helo Kampus



kampus@utusan.com.my



SINGGAH SENI UNISZA '20
Pamer kreativiti seni pelajar

DR. NOOR AZLAN GHAZALI (tengah) bersama mahasiswa dari negara Asean di UKM baru-baru ini.



Lahir pendebat dunia

Kepetahan pendebat muda dalam membincangkan isu-isu semasa yang mampu mengubah dunia menjadi lebih aman dan sejahtera

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**
kampus@utusan.com.my



FORUM Pendidikan kali-15 AUN dan kali-4 ASEAN+3 dan Pertandingan Pendebat Muda 2015 dilihat sebagai medium terbaik melahirkan pendebat muda yang bukan sahaja peka terhadap isu-isu semasa malah mampu mengubah dunia menjadi lebih aman dan sejahtera. Program julung kali diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu bertemakan "Developing ASEAN+3 Economic Integrated Community: Issue on Gender Equality, Minority Groups and Person with Disabilities".

Sebanyak 44 delegasi dan 16 ahli akademik dari 24 universiti dari negara Asean+3 hadir untuk menyertai program ini.

Universiti yang terlibat ialah Universiti Brunei Darussalam, Royal University of Phnom Penh, Beijing Foreign Studies University, Universitas Gajah Mada, Kyoto University, Yangan University of Economics, De La Salle University, National University of Singapore dan Vietnam National University, Ho Chi Minh City, UKM dan Universiti Malaya mewakili Malaysia dalam perhimpunan ini.

Pengisian program melibatkan syarahan umum, bengkel dan perbincangan berkenaan isu di negara asean.

Pertandingan Pendebat Muda menyaksikan pertembungan 24 mahasiswa yang membentangkan isu yang telah ditetapkan.

Enam peserta terakhir pula dinilai berdasarkan pembentangan kertas cadangan untuk aktiviti di rantau ASEAN+3.

Selain itu, para peserta diminta untuk membincangkan isu-isu secara berkumpulan.

Hasil perbincangan tersebut akan didokumentasi dan diserahkan kepada Sekretariat ASEAN melalui Senior Officials Meeting on Youth (SOMY).

Sementara itu, Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, UKM menitikberatkan pertalian persahabatan ASEAN+3.

Katanya, ini terbukti dengan penjanjian persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani dengan institusi pengajian tinggi di negara-negara tersebut membolehkan aktiviti pertukaran pelajar dan kerjasama penyelidikan dan inovasi dalam kalangan negara serantau

dilaksanakan.

"Program seumpama ini dapat memberi kesedaran kepada generasi muda berkenaan kepentingan dalam kalangan rakan serantau, keperluan wanita, kumpulan minoriti dan golongan kurang upaya dalam pemerkasaan pembangunan ekonomi," katanya.

Tambahnya, ini adalah selaras dengan kenyataan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin yang kementeriaannya bersetuju untuk membangunkan *Asean Youth Assembly Hall* bagi membolehkan pertukaran dan perkongsian idea dalam kalangan negara serantau dapat dilaksanakan.



SALAH seorang pendebat muda membentangkan kertas kerja mengenai isu di rantau asean.



PENDEBAT muda Asean yang terlibat dalam menjayakan Forum Pendidikan kali-15 AUN dan kali-4 Asean +3 dan Pertandingan Pendebat Muda 2015 di UKM baru-baru ini.